

# Tenggiling Diancam Kepupusan

Hutan hujan tropika di Malaysia diiktiraf sebagai hutan tertua di dunia oleh penyelidik dari seluruh pelusok dunia. Usia hutan ini menjangkau 130 juta tahun. Lantaran itu, Malaysia disenaraikan sebagai satu daripada 17 negara kepelbagaian biodiversiti mega, iaitu negara yang mempunyai kepelbagaian biodiversiti yang tinggi. Antara kepelbagaian flora dan fauna yang unik di Malaysia termasuklah tenggiling.

Tenggiling adalah antara fauna unik yang ada di Malaysia. Nama tenggiling diperoleh daripada perkataan Malayu, iaitu pengguling, yang merujuk sifat unik haiwan ini yang bergulung, kemudian menjadi seperti bola apabila diancam bahaya. Haiwan ini aktif pada waktu malam (nokturnal). Haiwan ini

juga mempunyai adaptasi yang unik terhadap diet utamanya, iaitu semut dan anai-anai.

Di samping tidak bergigi, tenggiling mempunyai tubuh yang diliputi sisik yang keras dan tajam, mata yang kelihatan kecil kerana dilindungi oleh kelopak mata yang tebal, lidah yang

panjang dan melekit, serta mempunyai kuku hadapan yang tajam dan besar untuk mengorek sarang anai-anai dan semut.

Di Malaysia, ada satu spesies tenggiling sahaja yang ditemukan, iaitu tenggiling sunda atau tenggiling malaya (*Manis javanica*). Sebagai pemangsa bagi semut dan anai-anai, tenggiling menyumbang kepada kawalan serangga perosak dengan cara memastikan populasi semut dan anai-anai terkawal.

Jika populasi semut dan anai-anai tinggi, kadar kemusnahan hutan di Malaysia meningkat. Hal ini dikatakan demikian kerana semut dan anai-anai membuat sarang pada pangkal

## Spesies Tenggiling

Benua Afrika

1. Tenggiling berperut putih afrika (*Phataginus tricuspis*).
2. Tenggiling tanah gergasi (*Smutsia gigantea*).
3. Tenggiling tanah temminck (*Smutsia temminckii*).
4. Tenggiling berperut hitam (*Uromanis tetradactyla*).

Benua Asia

5. Tenggiling sunda atau tenggiling malaya (*Manis javanica*).
6. Tenggiling berekor tebal (*Manis crassicaudata*).
7. Tenggiling filipina (*Manis culionensis*).
8. Tenggiling cina (*Manis pentadactyla*).

dahan dan dalaman pokok. Oleh hal yang demikian, tenggiling memainkan peranan penting dalam kitar nutrien dan ekosistem hutan.

Selain itu, tenggiling juga dilihat berperanan dalam kehidupan masyarakat di Malaysia, seperti dalam adat resam, kepercayaan, perubatan dan kesenian. Sebagai contohnya, bagi masyarakat Cina di Malaysia, serbuk sisik tenggiling digunakan dalam rawatan penyakit kulit, sebagai pembaik proses kitar haid dan perangsang penghasilan susu ibu.

Sementara itu, daging tenggiling pula digunakan untuk menguatkan tenaga batin. Bagi masyarakat Melayu pula, sisik tenggiling digunakan untuk tujuan perbomohan. Puak orang Asli menjadikan sisik tenggiling sebagai

serbuk penghalau gajah ketika beraktiviti di hutan.

Pada kebiasaannya, serbuk sisik tenggiling ini digunakan oleh orang Asli di Kuala Gandah, Pahang; Sungai Berua, Terengganu dan Kampung Rual, Kelantan. Selain itu, sisik dan kulit tenggiling digunakan dalam pembuatan kasut dan beg kulit.

Namun begitu, akhir-akhir ini populasi tenggiling dalam ekosistem makin terancam. Hal ini dikatakan demikian kerana semua spesies tenggiling di seluruh dunia mengalami kepupusan. Aktiviti perburuan haram dan kemusnahan habitat fauna menjadi faktor penyumbang bagi kepupusan tenggiling.


Di Semenanjung Malaysia, tenggiling dilindungi di bawah Akta

Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, Enakmen Perlindungan Hidupan Liar 1997 di Sabah dan Ordinan Perlindungan Hidupan Liar di Sarawak. Tenggiling juga disenaraikan dalam Lampiran I CITES (Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Flora dan Fauna).

Namun begitu, disebabkan oleh permintaan yang tinggi terhadap makanan eksotik antarabangsa di China, permintaan daging tenggiling juga tinggi. Oleh sebab itu, kadar aktiviti perburuan haram dan penyeludupan tenggiling amat tinggi.

Walaupun tahap penguatkuasaan ditingkatkan di Asia Tenggara, penyeludupan tenggiling tidak dapat dibendung secara sepenuhnya. Hal ini dikatakan demikian kerana harga daging tenggiling dalam pasaran gelap Malaysia adalah antara RM150 hingga RM250 satu kilogram.

Masalah kepupusan tenggiling di seluruh dunia ini mendapat perhatian daripada banyak pihak. Bagi melindungi tenggiling daripada terus pupus, Hari Tenggiling Sedunia diraikan pada bulan Februari pada setiap tahun. Pada masa yang sama, banyak kempen perlindungan tenggiling dijalankan dan kajian saintifik dilakukan supaya kesedaran orang awam ditingkatkan.



Animal - General  
pg = 42 - 43

Control NO : 0000274684

File NO : ANI2015A02.pdf